

Representasi Argumen Struktur Konseptual bagi Kata Kerja Kausatif Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Sintaksis

Nurul Jamilah Binti Rosly

nuruljamilah85@yahoo.com

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Maslida Binti Yusof

maslida@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kata kerja bersifat kausatif boleh merujuk sebagai perbuatan sebab sesuatu itu berlaku, sebab tidak akan terjadi sesuatu tanpa ada alasan tertentu, sebab berlakunya sesuatu pertolongan dan sebab untuk membenarkan sesuatu itu berlaku. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji leksikal kata kerja bersifat kausatif dalam merepresentasikan struktur argumen dan hubungannya dengan sintaksis. Kajian ini akan memberi fokus leksikal kata kerja *bunuh*, *paksa*, *membenarkan* dan *bantu* daripada kelas organisasi semantik struktur konseptual dengan menggunakan data Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai contoh bahan kajian. Analisis kajian akan menggunakan Teori Struktur Konseptual (2011). Representasi semantik digambarkan dalam bentuk struktur konseptual dalam Fungsi [Peristiwa] yang membawa rumus struktur konseptual seperti [Peristiwa SEBAB ([Benda, x], [Peristiwa ([y], [x])])]. Hasil dapatan menunjukkan representasi struktur konseptual bagi kata kerja *bunuh*, *paksa*, *membenarkan* dan *bantu* dapat direpresentasikan berdasarkan konstituens [Peristiwa SEBAB ([MENJADI X], [Y])], TIDAK [Peristiwa BENAR ([GERAK X], [Y])], dan [Peristiwa TOLONG ([GERAK X], [Y])] yang berhubungan dengan konstituens [BENDA], [TEMPAT] dan [HALA]. Bagi representasi struktur konseptual kepada sintaksis, dapatan menunjukkan adanya hubungan antara Fungsi Utama dengan Fungsi Argumen berdasarkan peranan argumen yang menjadi subset permintaan kata kerja kepada Frasa Nama. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menunjukkan representasi struktur konseptual dan hubungannya dengan sintaksis secara sistematis dan berpada khususnya dalam kata kerja bersifat kausatif.

Kata kunci: kausatif; struktur konseptual; konstituens; peristiwa dan argumen

Conceptual Structure Representation of Causative Verb in Malay Language and Relation with Syntax

ABSTRACT

Causative verbs can refer to an act because of something that is happening, because nothing will happen without any specific reason, for the occurrence of a favor and the reason for to justifying something. Therefore, this study will examine lexical verbs that are causative in representing the structure of the argument and its relation to syntax. To examine the lexical verb of causative in representing the structure of the argument and its relation to the syntax, this study will focus on the lexical of verb kill, force, allowed and help from the organizational class of the conceptual structure of semantics using data taken from the Corpus Base of the Dewan Bahasa dan Pustaka as an example of a data. The analysis of the study will use the Conceptual Structure Theory – by Ray Jackendoff (2011). Semantic

representations are depicted in the form of conceptual structures within the Function [Event] that carry the conceptual structure of the formula [Event CAUSE ([THING, x], [Event ([y], [x])])]. The findings show the representation of conceptual structures for verbs to kill, force, allowed and help represented by constituents [Event CAUSE ([BE X], [Y])], NO [event LET ([GO X], [Y])], and [Event HELP ([GO X], [Y])] to constituents [THING], [PLACE] and [PATH]. For conceptual structure representation to syntax, data findings indicate a connection between the Head Rules and Arguments Rules based on the role of the argument being a subset of the acceptance and verbal request to the Name Phrase. Consequently, this study will show the representation of conceptual structure and its relationship with systematic syntax and especially in the verbal nature.

Keywords: causative; conceptual structure; constituents; event and argument

PENGENALAN

Walid Mohammad (2016), mendefinisikan ‘kausatif’ sebagai ekspresi oleh agen dalam satu pelakuan tindakan keadaan atau dalam tindakan keadaan sebab yang tanpa disedari. Beliau mengaitkan sesuatu sebab boleh berlaku daripada subjek yang akan mengubah sesuatu keadaan atau peristiwa. Taha M. et al. (2016), menyatakan kausatif adalah fungsi utama yang signifikan kepada makna kausatif, iaitu sesuatu peristiwa sebab itu berlaku berhubungan dengan penyebab kepada tercetusnya sesuatu sebab itu berlaku manakala keadaan sebab yang tidak memberikan sebarang kesan adalah berbentuk *inchoative* (merujuk kepada proses permulaan keadaan baru). Yeuru Ni (2012), mendefinisikan ‘kausatif’ sebagai urutan dua peristiwa yang berlaku, iaitu kejadian yang disebabkan dan kejadian yang menyebabkan. Peristiwa menyebabkan tidak akan berlaku tanpa adanya peristiwa yang disebabkan. Manakala Agnihotri (2007), pula berpendapat kausatif merujuk kepada pelaku yang menyebabkan seseorang melaksanakan sesuatu dan berlaku perubahan kepada keadaan tertentu. Walaupun terdapat pelbagai pandangan dan pendapat, namun dari sudut semantiknya kehadiran kausatif bersama kata kerja dapat mengekspresikan makna khususnya dalam ayat serta tingkah laku sintaksisnya. Hal ini membolehkan penentuan dilakukan seperti melihat peranan pelaku dan peserta dalam menentukan klasifikasi kata kerja kausatif sama ada bersifat lakuan, keadaan atau proses sebab yang berlaku. (Rafiya Begum & Dipti Misra Sharma, 2012). Bakalá°ská práce (2012), juga menjelaskan pencirian kepada pembinaan semantik kausatif dapat dijelaskan berdasarkan bahasa yang digunakan, iaitu meliputi aspek leksikal, morfologi dan analitikal.

Namun berbeza dengan pandangan Jackendoff (2002), yang berpandukan struktur konseptual, beliau menganggap kausatif merupakan sebahagian daripada kata kerja bersifat ruang. Beliau mengkelaskan kata kerja bersifat ruang terdiri daripada kata kerja gerak bersifat arah, gerak bersifat tambah, gerak bersifat orientasi, gerak bersifat menjadi dan gerak bersifat kausatif. Gambaran kausatif ini dijelmakan dalam bentuk berlakunya gerak yang abstrak berdasarkan kategori antologi seperti Fungsi Peristiwa yang berhubungan dengan konstituens [MENJADI], [TEMPAT], [BENDA] dan [HALA]. Pembinaan konstituens dan kategori ontologi mendasari aliran pemikiran konseptual yang menekankan fahaman makna yang terdapat dalam minda manusia yang bergabung secara bersama dalam merepresentasikan makna sesuatu item leksikal (Jackendoff: 2007). Oleh yang demikian, kajian mengenai kata kerja kausatif dilakukan dalam menentukan kompenan-kompenan konstituens tematik yang terlibat serta perkaitannya dalam struktur konseptual dan sintaksis.

PEMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai pendekatan dan aliran linguistik telah membincangkan struktur dan pembinaan kata kerja kausatif. Kebanyakan kajian kata kerja kausatif telah dibincangkan dalam pelbagai bahasa dan pendekatan. Antaranya kajian Anatol Stetenowtsh (2001), yang membincangkan kausatif analitik bahasa Inggeris yang menggunakan pendekatan Pembinaan Tatabahasa oleh Fillmore (1988) dan Kay dan Fillmore (1999). Begitu juga Andrew McIntyne (2005), yang mengkaji dekomposisi semantik dan sintaksis bagi kata kerja kausatif bahasa Inggeris *get* yang menggunakan dekomposisi argumen oleh Baker (1997), Hale dan Keyser (1993) dan Stechow (1996). Kajian pembinaan kausatif dalam bahasa Balkan dan Finnish juga pernah dibincangkan oleh Jurgis Pakeys (2017), yang menggunakan pendekatan Pembinaan Kausatif Periphrastik oleh Nedjalkov dan Silnickij (1973), Kolikou (2001) dan Dixas (2000). Beliau membahagikan kausatif kepada dua kumpulan, iaitu bersifat permisif dan bio-klausul. Selain itu, Rafiya Begum (2008), mengkaji kata kerja kausatif bahasa Hindi dengan menggunakan kerangka model Tatabahasa Paninian (1995). Dalam kajian ini, beliau membahagikan kausatif kepada kausatif bersifat aktiviti (*vyaapaa-ra*) dan kausatif keputusan (*phala*). Selain itu, kajian kausatif dalam bahasa Korea pernah dibincangkan oleh Kyunghwan Kim (1994), yang menggunakan pendekatan Klasifikasi Patterson (1974), iaitu semantik Agentif sebagai dekomposisi kepada struktur penyebab. Begitu juga dalam perbincangan kausatif dalam bahasa Thai oleh Chutatip Chirapom Yumitani (1998), yang menggunakan pendekatan Paradigma Generalisasi oleh Pye and Loeb (1996) dan Pinker (1989) bagi melihat perbezaan pemerolehan kausatif dalam kalangan kanak-kanak khususnya mengenal pasti perbezaan di antara bentuk kausatif dengan *inchoative*.

Walaupun terdapat pelbagai pendekatan kausatif yang diaplikasi dalam bahasa yang berbeza, namun Jackendoff (2002 & 2011), telah menawarkan suatu penjelasan yang berbeza berbanding kajian terdahulu. Jika dilihat, kajian terdahulu lebih membincangkan kausatif dalam domain pendekatan semantik, khususnya dalam peranan tematik dan laku kausatif sahaja. Walau bagaimanapun penjelasan dari sudut struktur konseptual menganggap kausatif merupakan sebahagian daripada gerak bersifat ruang. Pendekatan struktur konseptual juga ditambah baik berdasarkan representasi dan pemetaan argumen yang berpandukan kerangka set-set primitif konseptual. Selain itu, penjelasan representasi struktur konseptual dihubungkan bersama pemetaan sintaksis yang membentuk satu gabungan sistematik dan berpada dalam mengungkapkan makna leksikal kausatif dengan lebih jelas. Maka dengan ini, kajian ini dilakukan berdasarkan dua objektif, iaitu:

- a) Membincangkan representasi struktur konseptual bagi kelas kata kerja kausatif bahasa Melayu berdasarkan struktur konseptual.
- b) Memperjelaskan hubungan struktur kata kerja kausatif bahasa Melayu berdasarkan pendekatan struktur konseptual dan sintaksis.

SOROTAN LITERATUR

Pada asasnya, terdapat beberapa kajian lepas yang telah mengkaji kata kerja kausatif dalam pelbagai bahasa dan pendekatan. Kajian Aseel Zibin (2016) menjelaskan kehadiran kata kerja kausatif boleh berubah kepada bentuk *inchoative* berdasarkan dua struktur utama seperti dalam a) *my sweater shrank* dan b) *the water shrank my sweater*. Ayat (a) memberikan dua variasi, iaitu kata kerja *shrink* sebagai kata kerja transitif dan intransitif, namun apabila berlaku perubahan kepada keadaan yang merujuk kepada argumen (*sweater*), kata kerja *shrank* berubah menjadi kata *inchoative*, iaitu merujuk kepada proses permulaan dan menjadi keadaan sebab itu. Berbeza pada ayat (b), kata kerja *shrank* sebagai kausatif merujuk kepada

sebab yang mengubahkan keadaan itu. Berbeza pula dengan pandangan Gail dan Talke (2000), yang meneliti kausatif dari sudut konseptual mendapati kausatif boleh wujud dalam dua keadaan, iaitu bersifat dalaman dan bersifat luaran bagi menerangkan peristiwa yang berlaku. Kausatif bersifat dalaman merujuk kepada kata kerja sebab berlaku perubahan keadaan manakala kausatif bersifat luaran adalah entiti yang mengalami keadaan. Beliau memberikan contoh *Flower bloom* adalah disebabkan struktur dalaman bunga tersebut berkembang dan *The window break* disebabkan struktur dalamannya menyebabkan tingkap itu pecah.

Shanley (2015), pula berpendapat kata kerja bersifat kausatif memerlukan Agen, iaitu entiti yang mengerakkan sesuatu sebab lakuan itu berlaku dan Pengalami sebagai penerima tindakan sebab tersebut. Beliau juga mendapati sesetengah struktur argumen kata kerja bersifat kausatif yang menerbitkan makna kausatifnya yang tersendiri, sebagai contoh kata kerja *break*. Kata kerja ini digolongkan sebagai kausatif yang bersifat mengubah keadaan seperti *The cabinet broke* tetapi kata kerja seperti *appear* dalam ayat *The rabbit appeared* tidak digolongkan sebagai struktur kausatif tetapi dianggap sebagai struktur intransitif dalam argumen. Berbeza dengan pandangan Holmes (2005), yang menjelaskan bahawa kata kerja bersifat kausatif berlaku untuk menunjukkan keadaan sebab berlaku sesuatu atau sebab tanpa disengajakan. Beliau memberi contoh kata kerja *break* yang disifatkan boleh wujud sebagai kata kerja bersifat kausatif atau *inchoative*. Sebagai contoh kata kerja pada ayat a) *Barr Bottles break easily* dan b) *The boy broke the bottles to bits* disifatkan sebagai berbeza dari sudut pencirian semantiknya. Ayat (a) mempamerkan leksikal yang bebas kepada keadaan tersebut manakala ayat (b) merujuk kepada subjek sebagai Agen kepada lakuan dan kesan objek kepada entiti tersebut. Kata kerja bersifat *inchoative* merujuk kepada contoh c) *The bottles broke to bits* dan d) *The window broke the room*. Kata kerja *break* dalam ayat (c) bersifat bebas, iaitu merujuk kepada leksikal kata kerja sebagai kesan kepada keadaan, manakala dalam ayat (d) merujuk kepada adverba sebagai predikat wajib dalam subjek kata kerja.


Selain itu, kajian oleh Taha et al. (2017), mendapati kata kerja kausatif dalam bahasa Arab Sudan menunjukkan argumen SEBAB menjadi argumen dalaman bersifat wajib dalam struktur merujuk kepada penyebab sesuatu itu berlaku. Berdasarkan pendekatan Program Minimalis yang digunakan, dapatan menunjukkan argumen SEBAB bertindak sebagai Fungsi Utama yang signifikan kepada makna kausatif pada ayat. Contohnya,

a. Idris talla? Laila

Idris exit.CAUSE.Past Laila

Idris made Laila go out

Tatta?: Kata kerja: <DP₁, DP₂> <agen, tema>



Berdasarkan pemetaan ayat di atas, kata kerja sebab menjadi argumen dalam yang bersifat wajib. Secara abstrak, Agen_{penyebab} menjadi komplemen utama yang berhubungan dengan kata akar. Selain itu, kajian Jurgis Pakeys (2017), pula menyentuh aspek kausatif dalam dialek yang melibatkan perubahan makna semantik daripada kata kerja bukan kausatif kepada kata kerja kausatif. Kajian beliau mendapati leksikal *laskhma* menunjukkan perubahan makna leksikal daripada *release* kepada *let* dan leksikal *andma* merujuk kepada perubahan *give* kepada *let*. Hal ini kerana kedua-dua leksikal ini berkongsi dialek yang sama di antara bahasa Germanic dengan Baltic. Kajian oleh Sami Catti (2005), pula menunjukkan kata kerja *make* menunjukkan frekuensi tertinggi dalam menjana makna semantik kausatif. Beliau menyifatkan kata kerja *make* sebagai bersifat polisemi, yang bergantung kepada leksikal dan konteks konseptual yang digunakan seperti memaksa, mekanikal, kesan, pengawalan, direktif dan implikatif. Kajian Andrew McIntyre (2005), juga membahagikan penggunaan leksikal *get* kepada 3 kumpulan kausatif, iaitu kausatif halangan, kausatif benar dan kausatif tidak sengaja. Bagi kausatif halangan kata kerja *get* hadir yang merujuk subjek kepada pencapaian. Contohnya dalam ayat *I didn't get the nail in the wall*. Bagi kausatif benar digunakan bersama partikel yang merujuk objek yang dikawal oleh subjek, contohnya ayat *get/take out the key and get/take the key*. Kausatif tidak sengaja berlaku apabila subjek bertanggung jawab kepada keputusan contohnya, *the camera has dust in it*.

Ray Jackendoff (2011), yang menganjurkan pandangan struktur konseptual, menganggap makna kausatif bergabung dalam minda manusia dalam mengutarakan sesuatu leksikal KATA KERJA. Hal ini adalah berdasarkan set-set primitif dalam argumen seperti GERAK, MENJADI, ORIENTASI, TINGGAL dan SEBAB yang merepresentasikan makna pada kata kerja tersebut (Jackendoff, 2007). Hiba Gharib (2015) memberikan contoh, *Jack made John leave early* merujuk *Jack* sebagai Agen dan pemula kepada tindakan tersebut dan *John* sebagai penyebab pergi dari situ. Manakala *John* pula bertindak sebagai Pengalami, iaitu kesan tindakan tindakan tersebut. Hal ini menunjukkan kata kerja penyertaan pada makna kata kerja membolehkan difahami tingkah laku sintaksis bagi kata kerja tersebut (Jackendoff, 2011; Zubizareeta & Oh, 2004; Ramchand, 2008).

Berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan, dapat memberi petunjuk bahawa penggunaan sesuatu leksikal kata kerja kausatif bukan sahaja merujuk kepada seseorang untuk melakukan sesuatu sebab namun faktor representasi argumen membolehkan makna kausatif berubah mengikut konteks dan keadaan. Kajian-kajian terdahulu kebanyakannya tidak bermatlamat untuk memperlihatkan keseluruhan argumen dalam konstituens ayat khususnya dalam hubungan tematik. Sehubungan itu, kajian ini dijangka dapat membekalkan

pengetahuan leksikal kausatif dalam pandangan sudut struktur konseptual yang berpandukan kepada kategori ontologinya tersendiri.

TEORI STRUKTUR KONSEPTUAL

Jackendoff (2011), telah mencetuskan idea tentang bagaimana memahami sesuatu makna yang dilihat sangat penting dalam struktur sintaksis dan semantik. Setiap makna yang dibina ini pastinya mempunyai hubungan antara struktur fonologi, sintaksis dengan semantik yang dikodkan dalam minda manusia. Menurut beliau, minda manusia seperti sistem pengkomputeran yang mengandungi struktur sintaksis sebagai representasi dalaman dalam memahami makna yang bersifat abstrak. Oleh itu, beliau telah mewujudkan satu hipotesis awal di sebalik pembinaan struktur konseptual ini dengan menyatakan:

"All natural language have a mental representation called conceptual structure (CS) and CS is envisioned as a computational form that encodes human understanding of the world" (Jackendoff, 2002)

Pemahaman mengenai makna ini ditekankan kepada bentuk representasi mental dalaman yang sentiasa berhubungan dengan setiap peringkat representasi seperti struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik. Berdasarkan perbincangan makna kausatif, Jackendoff (2011), telah membahagikan kelas kausatif berdasarkan empat fungsi struktur argument, iaitu *CAUSE*, *NO - LET*, *LET* dan *HELP*. Jackendoff (2002), menyatakan setiap argumen tersebut digambarkan secara pemahaman abstrak berdasarkan pembinaan konstituens seperti [SITUASI] bagi menggambarkan Fungsi Peristiwa terhadap berlakunya sesuatu sebab. Berikut merupakan rumus representasi struktur argumen kausatif serta konstituens-konstituens yang terlibat dalam pemetaan rumus struktur fungsi kausatif:

JADUAL 1. Pengelasan kausatif berdasarkan struktur konseptual (Jackendoff, 2002 & 2011)

Jenis Fungsi Argumen		Representasi struktur konseptual
Fungsi Peristiwa	a. [Peristiwa SEBAB ([Benda x], [Peristiwa y])]	Peristiwa
	b. TIDAK [Peristiwa BENAR ([Benda x], [Peristiwa y])]	Peristiwa
	c. [Peristiwa BENAR (X, E) => E	
	e. [Peristiwa TOLONG ([Benda x], [Peristiwa y])]	Peristiwa

Berdasarkan Jadual 1, terdapat empat rumus utama yang membahagikan kelas kausatif berdasarkan representasi argumennya yang tersendiri. Shustova et al. (2017), menyifatkan pembahagian representasi kausatif di atas sebagai satu fungsi tatabahasa kausatif yang dapat mengenal pasti penyebab sesuatu itu berlaku, perbezaan jenis kausatif dan hubungan antara peristiwa dengan lakuhan. Silnitsky (2006), mendapati pengelasan tersebut dapat mengeneralisasikan proses makna dalam leksikal kausatif. Menurut Jackendoff (2011), representasi tersebut memberikan pemahaman makna terhadap leksikal kausatif berdasarkan hubungan pada setiap konstituens dan kategori ontologi seperti [FUNGSI PERISTIWA], [BENDA], dan [OBJEK]. Konstituens seperti [FUNGSI PERISTIWA] memainkan peranan penting dalam memerihalkan kepada lakuhan sebab dalam mengilustrasikan ‘Apa yang menyebabkan sesuatu itu berlaku?’ Oleh itu, peranan konstituens seperti [BENDA], dan [OBJEK] pula bertindak sebagai karektor yang berhubungan secara bersama dalam menggambarkan argumen struktur kausatif tersebut. Untuk melengkapkan kajian, turut

dibincangkan hubungan struktur konseptual bersama sintaksis yang dianggap lebih mempengaruhi dalam pendekatan kajian ini.

METODOLOGI

Jackendoff (2002), memberikan pendefinisian ‘kausatif’ sebagai merujuk kepada X menyebabkan sesuatu itu berlaku kepada Y. Pemerincian ini dijelaskan berdasarkan pembinaan rumus asas konseptual kausatif, iaitu $[\text{Peristiwa SEBAB} ([\text{Benda } , \text{ x}], [\text{Peristiwa } ([\text{ y}], [\text{ }])])]$ yang membahagikan kausatif berdasarkan pengelasan SEBAB, TIDAK-BENAR, BENAR dan TOLONG. Berikut merupakan ciri serta contoh leksikal kausatif struktur konseptual:

JADUAL 2. Jenis kausatif dan contoh leksikal

Jenis kausatif	Maksud	Contoh leksikal kausatif
SEBAB	merujuk kepada sesuatu sebab itu berlaku.	<i>kill, make and die</i>
TIDAK-BENAR	merujuk kepada tanpa kebenaran untuk berlaku sesuatu.	<i>got, force, kept and prevent</i>
BENAR	merujuk kepada sesuatu kebenaran untuk berlaku sesuatu.	<i>allow, release and exempt</i>
TOLONG	merujuk sesuatu sebab pertolongan diberikan.	<i>help</i>


Jadual 2 menunjukkan jenis, maksud serta contoh leksikal kausatif yang diutarakan oleh Jackendoff (2002 & 2011). Maka, kajian ini akan membincangkan empat jenis leksikal kausatif bahasa Melayu yang mewakili setiap jenis leksikal kausatif struktur konseptual, iaitu perkataan *bunuh*, *paksa*, *menbenarkan* dan *bantu* sebagai perbincangan kausatif mengikut konteks tatabahasa bahasa Melayu. Kesemua contoh ayat dipetik daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia sebagai sampel perbincangan.

Langkah pertama kajian ini adalah membincangkan tingkah laku semantik kata kerja kausatif *bunuh*, *paksa*, *menbenarkan* dan *bantu* berdasarkan representasi struktur argumen struktur konseptual yang merujuk kepada pengelasan rumus asas berikut:


$$[\text{Peristiwa SEBAB} ([\text{Benda } , \text{ x}], [\text{Peristiwa } ([\text{ T } , \text{ y}]$$

Perbincangan rumus kausatif juga dikaitkan dengan sudut hirarki tematik yang meliputi peranan Aktor/Agen >> Pengalami/Penerima kesan/Penerima >> Tema bukan Pengalami yang berhubungan dengan laku atau bukan laku bagi menjawab; Apakah yang dilakukan oleh X dan Apakah yang dilakukan oleh Y kepada X? (Culicover & Jackendoff, 2005)

Langkah kedua adalah membincangkan perkaitan daripada semantik kepada sintaksis bagi kata kerja gerak dalam peringkat ujuran. Pemetaan ini bertujuan menunjukkan pemetaan makna kata kerja kausatif dalam argumen kepada struktur sintaksis. Pemetaan sintaksis ini bukanlah sesuatu yang dilakukan secara keseluruhan pada peringkat tatabahasa, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada subsistem yang kecil, iaitu pemetaan makna kata kerja tersebut dalam struktur argumen frasa nama. Berdasarkan rumus yang dianjurkan oleh Culicover dan Jackendoff (2005), rangka pemetaan hubungan ini dilihat kepada prinsip fungsi utama (FU) dan fungsi argumen (FA) dalam ayat. Kedua-dua hubungan ini dapat digambarkan melalui rumus struktur di bawah:



Rangka struktur konseptual di atas menunjukkan simbol F sebagai Fungsi, Argumen sebagai n dan p sebagai Petunjuk. Pada peringkat ini, Fungsi akan diwakili sebagai kata kerja, Argumen diwakili oleh KN, dan Petunjuk selalunya diwakili oleh keterangan aspek seperti waktu. Rangka pemetaan struktur ini dapat dijelaskan berdasarkan representasi garisan argumen seperti dalam Rajah 1 di bawah:



RAJAH 1. Pemetaan Argumen

Langkah ketiga adalah membekal struktur pemetaan sintaksis dengan mematuhi Prinsip argumen atau petunjuk, iaitu simbol X merujuk kepada konstituens X yang terikat dengan konstituens j manakala struktur YP dengan X terikat dengan konstituens j . Kedua-dua prinsip hubungan ini mempunyai struktur yang terikat di antara struktur konseptual dengan struktur sintaksis. Sebagai contoh FU memerlukan fungsi semantik FA dalam pemetaan frasa sintaksis utama.


ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis, pengklasifikasi kata kerja kausatif bahasa Melayu, iaitu *bunuh*, *paksa*, *membenarkan* dan *bantu* terdiri daripada fungsi **SEBAB** yang dihubungkan dengan konstituens **MENJADI** dan **GERAK** dalam Fungsi Peristiwa. Persoalan fungsi bagi kata kerja bersifat kausatif ini dikaitkan dengan perilaku kata kerja gerak ruang yang melibatkan lokasi dan gerak sesuatu sebab itu berlaku. Pemilihan data berdasarkan pemerincian kategori konseptual, iaitu [SITUASI] yang melibatkan Fungsi peristiwa ditandai oleh representasi argumen ([Peristiwa SEBAB ([Benda, x], [Peristiwa ([y],))])]. Berdasarkan rumus (a) menyediakan representasi [Peristiwa SEBAB ([Benda x], [Peristiwa y])]. Analisis perbincangan akan berdasarkan setiap jenis leksikal kausatif.

REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL KATA KERJA KAUSATIF ‘SEBAB’


Jackendoff (2011), menjelaskan pengelasan kausatif ‘sebab’ menyediakan kerangka rumus [Peristiwa **SEBAB** ([Benda/Peristiwa x], [Peristiwa y])] yang memberi gambaran sebab berlakunya sesuatu perkara. Jackendoff (2007), memberi contoh ayat *The wind made it rain* yang menerangkan **SEBAB** (WIND, [Peristiwa RAIN]), iaitu *The wind* menyebabkan peristiwa kepada *of its raining*. Dalam menggambarkan pengelasan kausatif ‘sebab’ dalam bahasa Melayu, dikemukakan contoh kata kerja kausatif *bunuh* seperti representasi dalam di bawah:

1. Lelaki itu ***bunuh*** pelakon sambilan di sebuah apartmen. (Nasional, 2004)



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (1), menerangkan kausatif SEBAB mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai oleh konstituens [Benda-Lelaki], [Peristiwa- bunuh pelakon sambilan] dan [Hala-di apartmen]. Menurut Jackendoff (2003) dan Pinker (1983), pemetaan representasi semantik ini tidak cukup dan harus dilengkapi dengan pemetaan rajah pohon yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri. Hal ini disebabkan dalam setiap ayat memberikan pemetaan elemen kepada pelbagai fungsi dan argumen. Berdasarkan leksikal kausatif *bunuh* menunjukkan terdapat kombinasi elemen SEBAB dan MENJADI seperti rajah pohon di bawah:


REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL



Berdasarkan representasi rajah pohon di atas, terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu pertama merujuk kepada peranan AKTOR yang diwakili oleh *Lelaki* dan argumen kedua merujuk kepada LAKUAN yang merujuk *pelakon sambilan*. Kata kerja *bunuh* dalam ayat (1) disifatkan sebagai kata kerja bersifat transitif memerlukan objek, iaitu *pelakon sambilan*. Peranan AKTOR yang bertindak menjawab persoalan, Apakah yang sedang berlaku? dapat memberi jawapan kepada *Lelaki itu bunuh pelakon sambilan di sebuah apartmen*. Representasi di atas menunjukkan adanya konstituens MENJADI yang menunjukkan berlakunya peristiwa pembunuhan tersebut. Penentuan kepada AKTOR dan LAKUAN menentukan ayat tersebut di bawah Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituens SEBAB berdasarkan konstituens ayat di bawah:

[peristiwaSEBAB ([Benda LELAKI], [peristiwa BUNUH PELAKON SAMBILAN]))])]

Representasi (c) di atas menjelaskan bahawa peranan Aktor mempunyai persamaan dengan peranan Tema. Oleh itu, kata kerja *bunuh* merujuk kepada kesan yang diterima oleh objek, iaitu *pelakon sambilan* yang ditandai sebagai PENERIMA⁻ kesan negatif akibat daripada lakuhan *bunuh*. Berikut merupakan pemetaan hirarki tematik:



Berdasarkan hirarki tematik, menunjukkan argumen satu, iaitu *Lelaki* mewakili sebagai Aktor + Tema (Agen). Menurut Jackendoff (2007), peranan Aktor dan Tema ini mempunyai persamaan dalam menggambarkan Fungsi Peristiwa, iaitu bagi menjawab persoalan apa yang sedang berlaku. Manakala Sumber merujuk kepada kata kerja *bunuh* dan Matlamat ialah *pelakon sambilan* iaitu PENERIMA⁻ iaitu *kesan atau akibat daripada dibunuh*. Terdapat objek rujukan yang membentuk sebagai frasa preposisi *di* sebagai lokasi dalam argumen kedua. Berhubung dengan preposisi *di*, Maslida Yusof (2009), menyifatkan kehadiran frasa preposisi sebagai preposisi lokatif bertujuan menerangkan lokasi sesuatu entiti atau di mana objek itu berada.

REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL KATA KERJA KAUSATIF ‘TIDAK-SEBAB’

Representasi pada bentuk kausatif tidak-sebab ini merujuk kepada rumus **TIDAK** [Peristiwa **BENAR** ([Benda/Peristiwa x], [Peristiwa y])] yang menyatakan sesuatu sebab itu tidak akan terjadi tanpa adanya alasan atau sebab tertentu untuk berlakunya sesuatu (Jackendoff, 2007). Dalam rumus ini ditekankan penggunaan kata nafi TIDAK pada argumen bagi menjelaskan sesuatu sebab tidak akan berlaku jika tidak dikenakan sebarang tindakan atau tekanan kepada pelaku. Untuk memperlihatkan rumus ini, dipilih kata kerja *paksa* berdasarkan representasi di bawah:


2. Saya ***paksa*** dia berlakon untuk filem Suami, Isteri (Nasional, 2005)



Dalam Kamus Dewan (2007), kata kerja *paksa* membawa maksud perbuatan memestikan orang melakukan sesuatu. Dalam ayat (2), pemetaan struktur argumen konseptual kata kerja *paksa* menerangkan kausatif TIDAK-SEBAB yang mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai oleh konstituens [Benda-Saya], [Peristiwa- dia berlakon] dan

[Hala-untuk filem Suami, Isteri]. Jackendoff (2007), mengutarakan rumus ini untuk menunjukkan bahawa dari segi nilai semantik kata kerja *force* (paksa) mempunyai maksud bahawa pelaku yang tidak mahu melakukan sesuatu sebelum ini, iaitu TIDAK (mahu) dan kemudian dipaksa untuk melakukan lakukan tersebut selepas itu. Maka untuk menunjukkan nilai negatif ini Jackendof (2007), menggunakan kata nafi TIDAK sebagai indikator bagi menunjuk, sesuatu sebab yang akan berlaku atau kemungkinan TIDAK berlaku yang mencetuskan akan sesuatu sebab itu akan berlaku. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal kausatif *paksa* boleh muncul berdasarkan konstituens elemen TIDAK dan GERAK yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri sebagaimana ditunjukkan dalam representasi konseptual di bawah:

REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL




Berdasarkan representasi struktur konseptual di atas, terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu pertama merujuk kepada peranan AKTOR yang diwakili oleh *saya* dan argumen kedua merujuk kepada LAKUAN bagi kata kerja *paksa*. Berdasarkan teori struktur konseptual, kata kerja *force* boleh digambarkan berdasarkan kategori konstituens **NOT [event FORCE ([Thing],[EVENTS])]**. Berdasarkan representasi (b) menunjukkan adanya konstituens GERAK merujuk kepada kata kerja *paksa* dengan adanya penanda konstituens Hala, iaitu *untuk*. Penentuan kepada AKTOR dan LAKUAN ini menentukan ayat tersebut di bawah Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituens TIDAK berdasarkan representasi ayat di bawah:

[peristiwa TIDAK ([Benda PAKSA], [peristiwa PAKSA DIA UNTUK BERLAKON]))])

Representasi (c) di atas, menjelaskan bahawa peranan Aktor mempunyai persamaan dengan peranan Agen bagi menggambarkan pelaku dalam peristiwa tersebut. Oleh itu, ‘dia’

menerima kesan daripada perbuatan paksa dan ditandai sebagai PENERIMA-. Berikut merupakan pemetaan hirarki tematik:



Berdasarkan hirarki tematik, argumen satu, iaitu *Saya* mewakili sebagai Aktor dan Sumber merujuk kepada frasa kerja *paksa dia berlakon*. Argumen kedua merujuk kepada *filem Suami, Isteri* sebagai Matlamat dan (PENERIMA-) yang merujuk kepada tanggungjawab yang tidak boleh ditolak dan frasa preposisi *untuk* sebagai penanda lokatif kepada subjek tersebut. Menurut Jackendoff (2007), pendefinisan indikator TIDAK tidak digolongkan bersama item tematik malah hanya ditekankan dalam peringkat struktur konseptual bagi mengukur makna semantiknya bersama kata kerja.

REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL KATA KERJA KAUSATIF ‘BENAR’


Kata kerja jenis kausatif *benar* merujuk kepada perkara sebab membenarkan atau mengizinkan sesuatu itu berlaku. Untuk menunjukkan analisis, pengkaji memilih leksikal ‘membenarkan’. Dalam hal ini, leksikal ‘benar’ perlu diberikan apitan mem- dan -kan pada kata ‘benar’ bagi menunjukkan perbuatan kata kerja yang membawa maksud membenarkan, mengizinkan atau menyetujui bagi membezakan makna kata *benar* sebagai kata adjektif yang bermaksud tidak salah atau betul. Dari segi semantik, Jackendoff (2002), menyifatkan kata kerja *membenarkan* mempunyai dua situasi, iaitu sama ada PENERIMA+, iaitu penerima menerima sesuatu faedah daripada kebenaran itu berlaku atau PENERIMA-, iaitu penerima tidak menerima sesuatu faedah daripada sebab kebenaran itu berlaku sebagai contoh:

- a.Kerajaan *membenarkan* pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan.
(PENERIMA+)
(jadi kerajaan mengambil pekerja asing)
- b.Kami tidak akan *membenarkan* mereka memasuki Kufa.
(PENERIMA-)
(jika alasan tertentu mereka tidak dibenarkan memasuki Kufa)

Kombinasi konotasi (a) menunjukkan realisasi bagi PENERIMA+ manakala konotasi (b) memungkinkan kepada PENERIMA-.


Konotasi PENERIMA +

- (a) Kerajaan*** membenarkan*** pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan.
(Nasional, 2002)



Dalam kes ayat (3) pemetaan struktur argumen menerangkan kausatif BENAR yang mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai oleh konstituens [Benda-Kerajaan dan Pekerja Indonesia], [Peristiwa- pengambilan] dan [Hala-untuk sektor binaan]. Jika contoh ayat tidak mempunyai kata hubung, maka peranan [Hala] tidak hadir dalam pemetaan struktur konseptual ini. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal kausatif *membenarkan* menunjukkan terdapat elemen BENAR dan MENJADI yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:


REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL



Berdasarkan representasi struktur konseptual, terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu pertama merujuk kepada peranan AKTOR, iaitu objek pada peringkat konseptual yang diwakili oleh *Kerajaan* dan argumen kedua merujuk kepada *pekerja Indonesia*. Kata kerja *membenarkan* bersifat transitif, iaitu hadir dalam objek *pekerja Indonesia*. Peranan AKTOR penting dalam memberi jawapan kepada Apakah yang sedang berlaku? iaitu *Kerajaan membentarkan pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan*. Representasi di atas menunjukkan adanya konstituens MENJADI merujuk sesuatu kebenaran itu diberikan. Penentuan kepada AKTOR dan LAKUAN ini menentukan ayat tersebut sebagai Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituens BENAR:

- (c) $[\text{peristiwa} \text{BENAR} ([\text{Benda } \text{Kerajaan}], [\text{peristiwa } \text{PENGAMBILAN } \text{PEKERJA INDONESIA}]))]$)

Berdasarkan representasi di atas, objek merujuk kepada *pekerja Indonesia* yang ditandai sebagai PENERIMA⁺ iaitu sesuatu yang diterima. Penjelasan ini dapat dispesifikasikan dengan jelas berdasarkan peranan sudut hirarki tematik di bawah:




Hirarki tematik dalam kata kerja *membenarkan* ini menunjukkan *Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan* menekankan *pekerja Indonesia* dilabelkan sebagai PENERIMA+ hasil daripada tindakan Agen, iaitu *Kerajaan* dalam membawa mereka masuk demi kepentingan sektor binaan.

Konotasi PENERIMA-


Namun, berbeza pada konotasi pada ayat di bawah yang membawa analogi PENERIMA-, iaitu:

- (b) Kami tidak akan ****membenarkan**** mereka memasuki Kufa. (Global, 2004)



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (3b), menerangkan kausatif BENAR juga boleh merujuk kepada PENERIMA- dan mempunyai dua kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa dan Benda. Kedua-dua dekomposisi ditandai oleh konstituens [Benda-Kami dan Mereka], dan [Peristiwa- memasuki Kufa]. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal kausatif *membenarkan* menunjukkan terdapat elemen BENAR dan MENJADI yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:


REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL



Berdasarkan representasi struktur konseptual, terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu pertama merujuk kepada peranan AKTOR, iaitu objek pada peringkat konseptual yang diwakili oleh *Kami* dan argumen kedua merujuk kepada *mereka*. Kata kerja *membenarkan* bersifat transitif, iaitu hadir dalam objek *mereka*. Peranan AKTOR penting dalam memberi jawapan kepada Apakah yang sedang berlaku? iaitu *Kami tidak akan membenarkan mereka memasuki Kufa*. Representasi di atas menunjukkan adanya kostituens MENJADI merujuk kebenaran tersebut tidak diberikan. Penentuan kepada AKTOR dan LAKUAN ini menentukan ayat tersebut sebagai Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituens BENAR:

$[\text{peristiwa} \text{BENAR } ([\text{Benda } [\text{Kami}, [\text{mereka}]], [\text{peristiwa } \text{memasuki Kufa}])])]$

Berdasarkan representasi di atas, objek merujuk kepada *mereka* yang ditandai sebagai PENERIMA-, iaitu tiada manfaat yang diterima dari lakukan tersebut. Penjelasan ini dapat dispesifikasikan dengan jelas berdasarkan peranan sudut hirarki tematik di bawah:




Berdasarkan hirarki tematik bagi ayat *Kami tidak akan membenarkan mereka memasuki Kufa* menunjukkan keadaan bahawa *mereka* sebagai PENERIMA- dilarang daripada memasuki Kufa atas arahan daripada Agen, iaitu *Kami*.

REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL KATA KERJA KAUSATIF ‘ TOLONG’


Kata kerja kausatif bermaksud ‘tolong’ merujuk kepada rumus yang terakhir, iaitu [Peristiwa **TOLONG** ([Benda / Peristiwa x], [Peristiwa y])] yang memerihalkan fungsi kausatif yang membentuk sebab berlakunya sesuatu pertolongan. Untuk menjelaskan representasi struktur konseptual bagi kategori maksud ‘tolong’, penulis memberikan contoh kata kerja ‘bantu.’ Pemilihan kata kerja ‘bantu’ dilihat mempunyai kekerapan yang tinggi dan signifikan dalam konkordons, iaitu sebanyak 1270 kali kekerapannya. Oleh itu, gambaran representasi bagi kata kerja ‘bantu’ adalah seperti contoh (4),

4. Mohd Mydin ***bantu*** industri automotif. (Pendidikan: 2000)



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (4), menerangkan kausatif TOLONG mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Peristiwa. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai oleh konstituens [Benda-Mohd Mydin], dan [Peristiwa- bantu industri automotif]. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula leksikal kausatif *bantu* menunjukkan terdapat elemen SEBAB dan GERAK yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:

REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL




Berdasarkan representasi struktur konseptual di atas, menunjukkan argumen pertama, iaitu objek sebagai peranan AKTOR/TEMA yang diwakili oleh *Mohd Mydin* dan argumen kedua merujuk kepada LAKUAN yang merujuk kata kerja *bantu* yang bertindak menjawab persoalan Apakah yang sedang berlaku? Penyataan ini dapat memberi jawapan kepada *Mohd Mydin bantu industri automotif*. Penentuan kepada AKTOR/TEMA dan LAKUAN ini

menentukan ayat tersebut di bawah Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituens SEBAB berdasarkan representasi ayat di bawah:

- (c) [peristiwa] SEBAB AKTOR/TEMA [MOHD MYDIN] ([INDUSTRI AUTOMOTIF]))]

Berdasarkan representasi argumen di atas, objek merujuk kepada *Mohd Mydin* manakala *industri automotif* yang ditandai sebagai PENERIMA+, iaitu faedah yang diterima hasil bantuan yang diberi. Penjelasan ini dapat dispesifikasikan dengan jelas berdasarkan peranan sudut hirarki tematik di bawah:



Berdasarkan hirarki tematik, menunjukkan argumen satu, iaitu *Mohd Mydin* sebagai Tema dan dianggap bukan pengalami, manakala kata kerja *bantu* sebagai Sumber. Bagi argumen kedua, iaitu *industri automotif* mewakili Matlamat (PENERIMA⁺), iaitu merujuk kepada faedah yang diterima dari bantuan tersebut.

PERKAITAN STRUKTUR KONSEPTUAL KEPADA SINTAKSIS

Perbincangan di antara hubungan TSK dengan sintaksis pastinya memerlukan suatu hubungan yang kuat dan berkaitan antara satu sama lain (Culicover & Jackendoff, 2005). Dari sudut struktur konseptual, kata kerja bersifat kausatif ini mempunyai ciri antologi konseptual yang tersendiri seperti SEBAB, TIDAK-BENAR, BENAR dan TOLONG, Peristiwa, Benda, Hala dan Tempat. Kesemua ciri konstituens ini membentuk satu set ciri aspek yang dihubungkan satu persatu dalam pemetaan segmen dan struktur sintaksis bagi leksikal kata kerja *bunuh*, *paksa*, *membenarkan* dan *bantu* seperti di bawah:

1. Lelaki itu *** bunuh*** pelakon sambilan di sebuah apartmen.

Struktur konseptual	Sintaksis
[Peristiwa MENJADI (SEBAB ([LELAKI [Hala DI SEBUAH APRTMEN MENJADI _{SEBAB} ([Peristiwa BUNUH PELAKON SAMBILAN])]]))]	
i. PERISTIWA (SITUASI _X	KK _x – S ₁
ii. (MENJADI _{SEBAB} (X, MENJADI [BUNUH])) ₂	KK ₂
iii. [PELAKON SAMBILAN] ₃	KN ₃
vi. [HALA] ₄	KSN ₄

2. Saya ***paksa*** dia berlakon untuk filem Suami, Isteri

Struktur konseptual	Sintaksis
(a) [Peristiwa MENJADI TIDAK BENAR ([Saya [Hala [peristiwa DIA BERLAKON ([Hala UNTUK FILEM SUAMI ISTERI...])]))])	
i. PERISTIWA (SITUASI _X)] ₁	KK _X – S ₁
ii. (TIDAK BENAR (X, MENJADI [PAKSA]))] ₂	KK ₂
iii. [DIA] ₃	KN ₃
iv. [BERLAKON] ₄	KK ₄
v. [HALA] ₅	KSN ₅
vi. [FILEM SUAMI, ISTERI] ₆	KN ₆

3. Kerajaan *** membenarkan*** pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan.

Struktur konseptual	Sintaksis
(a) [Peristiwa BENAR ([benda []], [KERAJAAN, PEKERJA INDONESIA][peristiwa PENGAMBILAN, SEKTOR BINAAN])]	
i. PERISTIWA (SITUASI _X) ₁	KK _x – S ₁
ii. (BENAR (X, MENJADI [KERAJAAN])]) ₂	KK ₂
iii. [PENGAMBILAN] ₃	KN ₃
iv. [PEKERJA] ₄	KN ₄
v. [INDONESIA] ₅	KN ₅
vi. [HALA] ₆	KSN ₆
vii. [SEKTOR] ₇	KN ₇
viii. [BINAAN] ₈	KN ₈

4. Mohd Mydin ***bantu*** industri automotif.

Struktur konseptual	Sintaksis
(a) [Peristiwa GERAK (TOLONG _{SEBAB} ([bendaMOHD MYDIN [peristiwa BANTU INDUSTRI AUTOMOTIF]))])]	
i. PERISTIWA (SITUASI _X) ₁	KK _x – S ₁
ii. (TOLONG _{SEBAB} (X, GERAK[BANTU])) ₂	KK ₂
iii. [MOHD MYDIN] ₃	KN ₃
iv. [INDUSTRI] ₄	KN ₄
v. [AUTOMOTIF] ₅	KN ₅

PEMETAAN STRUKTUR FUNGSI UTAMA

Berikut adalah pemetaan struktur fungsi utama bagi keempat-empat kata kerja kausatif tersebut:

1(a) **Leksikal semantik bunuh** : F_{menjadi-sebab}(X, Y, Z)
 : BUNUH (LELAKI [PELAKON SAMBILAN]
 APARTMENT])

[Argumen x (GERAK_{sebab} [Tema; GERAK BUNUH] [GERAK [DARI AGEN_X KEPADA PENERIMA_Y]

(b) **Sintaksis** : [FN KN KT [FK KK₁ KN₃ [PP KSN [FN KN]₂]₁]₂


Lelaki itu bunuh pelakon di sebuah apartmen.
 Lelaki itu bunuh pelakon sambilan di sebuah apartmen.

Sintaksis : [FN KN1 KT1 KK1 KN2 KSN KN] ⊆ [FN KN [FK KK₁ KT₃ [PP KSN [FN KN]₂]₁]₂
 TSK : KK₁, (KN₂) ⊆ λy. λx. SEBAB (AGEN:_x, PENERIMA_y ([PELAKON SAMBILAN])

Berdasarkan pemetaan sintaksis di atas argumen satu merujuk simbol F, iaitu (1a) diwakili sebagai **MENJADI**_{sebab} yang berlaku merujuk kepada perpindahan, iaitu TEMA yang diwakili menjadi *bunuh* dari Agen kepada Penerima iaitu *pelakon sambilan* sebagai Petunjuk. Simbol X yang dihubungkan merujuk *Lelaki itu* sebagai berlakunya **MENJADI**_{sebab} kepada Penerima kesan di dalam argumen kedua. Berdasarkan keseluruhan ayat, kedua-dua argumen ini dihubungkan dalam struktur sintaksis (1b) yang diwakili argumen satu kepada frasa nama dan argumen kedua kepada frasa nama. Pemetaan bertujuan menunjukkan kata kerja *bunuh* yang bersifat kata kerja transitif yang mempunyai subset dengan kata nama iaitu *Lelaki*. Keadaan tersebut memerlukan satu subkategori daripada kata nama sebagai permintaan dalam argumen. Pemetaan dua argumen menunjukkan wujudnya realisasi sintaksis yang merujuk kepada frasa nama sebagai subjek, frasa kerja sebagai predikat objek dan FPreposisi sebagai keterangan kepada objek fizikal iaitu *di sebuah apartmen* (FN-FPrep). Realisasi ini membentuk argumen sintaksis menjadi frasa nama > kata kerja > FPreposisi. Begitu juga pada leksikal kausatif *paksa* (2a) *membenarkan* (3a) dan *bantu* (4a).

2(a) **Leksikal semantik paksa** : F (X, Y, Z)
 : PAKSA (SAYA [FILEM SUAMI ISTERI...])


[Argumen x (GERAK_{TIDAKSEBAB} [Tema; GERAK PAKSA] [GERAK [DARI SUMBER_X KEPADA PENERIMA_Y]



Sintaksis : [FN KN₁ KK₁ KN₂ KSN₁ KK₂ KN₃] \subseteq [FK KN₁ KK₁ KN₂ [FSN KSN₁ KK₂ KN₃]₂]₁]₂
 TSK : KN₁ KK₁ KN₂ KSN₁ KK₂ KN₃ KN₂ $\subseteq \lambda y. \lambda x. SEBAB$
 (AGEN:_X, PENERIMA_Y ([DIA]))

3(a) **Leksikal semantik membenarkan** : F_{menjadi-benar} (X, Y, Z)
 : MEMBENARKAN (KERAJAAN[PEKERJA INDONESIA] BURUH BINAAN])

[Argumen x(GERAK_{BENAR} [Tema; GERAK MEMBENARKAN] [GERAK [DARI AGEN_X KEPADA PENERIMA_Y]




Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan.

Sintaksis : $[_{FN} KN_1 KK_1 KN_1 KN_2 KN_3 KSN_1 KN_4 KN_5] \subseteq [_{FN} KN_1 [_{FK} KK_1 KN_1 KK_2$
 $[_{FP} KSN_1 [_{FN} KN_4 KN_5]_2]_1]_2$
 TSK : $KN_1 KK_1 KK_2 KN_2 KN_3 KSN_1 KN_4 KN_5 \subseteq \lambda y. \lambda x. SEBAB$
 (AGEN: x ,PENERIMAY([KERAJAAN]))

4(a) **Leksikal semantik bantu** : $F_{gerak-sebab}(X, Y, Z)$
 : BANTU (MOHD MYDIN
 [INDUSTRI AUTOMOTIF]

[Argumen x (TOLONG_{SEBAB} [Tema; GERAK SEBAB] [GERAK [DARI SUMBER x] KEPADA PENERIMA y]



Mohd Mydin bantu industri automotif.
 Sintaksis : $[_{FN} KN_1, KK_1 KN_2 KN_3] \subseteq [_{FN} KN_1, KK_1 KN_2 KN_3]$
 TSK : $KN_1, KK_1 KN_2 KN_3 \subseteq \lambda y. \lambda x. SEBAB (PENERIMA:x, AGEN y$
 (INDUSTRI AUTOMOTIF))

Berdasarkan pemetaan sintaksis menunjukkan leksikal *bunuh*, *paksa*, *membenarkan* dan *bantu* dan ini menghubungkan argumen satu merujuk simbol F diwakili sebagai **MENJADI_{sebab}**, **TIDAK-SEBAB**, **BENAR_{SEBAB}** dan **TOLONG_{SEBAB}** merujuk kepada perpindahan, iaitu **TEMA** yang diwakili oleh kata kerja *bunuh* dari Agen kepada Penerima, kata kerja *paksa* dari Sumber kepada Penerima, kata kerja *membenarkan* dari Agen kepada Matlamat manakala kata kerja *bantu* dari Sumber kepada Penerima. Berdasarkan kepada keseluruhan ayat, kedua-dua argumen dapat dihubungkan dalam struktur sintaksis seperti jadual di bawah:

JADUAL 3. Pemetaan argumen kepada sintaksis

Bil.	Kata kerja	Hubungan argumen	Realisasi sintaksis		
1.	bunuh	Argumen 1	→ Frasa Nama	Frasa Nama	> Frasa Kerja > FPreposisi
		Argumen 2	→ Frasa Nama	Frasa Nama	> Frasa Kerja > FPreposisi
2.	paksa	Argumen 1	→ Frasa Nama	Frasa Nama	> Frasa Kerja > FPreposisi
		Argumen 2	→ Frasa Preposisi		
3.	membenarkan	Argumen 1	→ Frasa Nama	Frasa Nama	> Frasa Kerja > FPreposisi
		Argumen 2	→ Frasa Preposisi		
4.	bantu	Argumen 1	→ Frasa Nama	Frasa Nama	> Frasa Kerja
		Argumen 2	→ Frasa Nama		

Jadual 3 menunjukkan, pemetaan argumen bagi kata kerja *bunuh*, *paksa*, *membenarkan* dan *bantu* bersifat kata kerja transitif yang memerlukan kata nama sebagai

permintaan dalam argumen. Secara keseluruhan, keempat-empat kata kerja kausatif tersebut mempunyai subset kepada kata nama seperti *Lelaki* merujuk ayat (1) *Saya* merujuk ayat (2), *Kerajaan* merujuk ayat (3) dan *Mohd Mydin* merujuk ayat (4) yang membentuk realisasi sintaksis seperti dalam jadual 3 di atas. Secara keseluruhan kata kerja bersifat kausatif, iaitu *bunuh, paksa, membenarkan* dan *bantu* menunjukkan:

- (a) maksud sesuatu sebab itu berlaku.
- (b) sebab tidak benar akan berlaku sesuatu.
- (c) yang membenarkan sebab itu berlaku.
- (d) sebab yang berbentuk pertolongan.

Pencirian keempat-empat leksikal kata kerja kausatif dapat dilihat berdasarkan pola struktur konseptual di bawah:

JADUAL 4. Pola representasi struktur konseptual bagi kata kerja bersifat kausatif bahasa Melayu

Jenis Fungsi Argumen	Kata kerja bersifat kausatif	Representasi Struktur Konseptual	Hubungan Tematik
Fungsi Peristiwa	(1) bunuh	[Peristiwa SEBAB ([MENJADI [lelaki], [bunuh] [di]]])	Aktor/Tema → Sumber → Matlamat (PENERIMA -)
	(2) paksa	TIDAK [Peristiwa BENAR ([[saya] [GERAK paksa], [untuk]])]	Aktor/Tema → Sumber → Matlamat (PENERIMA-)
	(3) membenarkan	[Peristiwa BENAR ([, [kerajaan], pekerja Indonesia][peristiwa pengambilan, sektor binaan]	Agen → Sumber → Matlamat(PENERIMA+/-) → Objek rujukan
	(4) bantu	[Peristiwa TOLONG ([GERAK [bantu], [industri automotif]])]	Tema → Sumber Matlamat(PENERIMA +) →

Jadual 4 menunjukkan konstituens **SEBAB** bagi kata kerja kausatif *bunuh* dihubungkan berdasarkan konstituens konseptual **SEBAB-MENJADI** manakala konstituens **TIDAK-BENAR** bagi kata kerja *paksa* dihubungkan berdasarkan konstituens **TIDAK-GERAK**. Manakala konstituens **BENAR** bagi kata kerja kausatif *membenarkan* dihubungkan berdasarkan konstituens **BENAR-MENJADI** dan konstituens **TOLONG** bagi kata kerja kausatif *bantu* dihubungkan berdasarkan konstituens **SEBAB-GERAK**. Hal ini menunjukkan keempat-empat leksikal ini mempunyai ciri representasi yang berbeza bergantung kepada hubungan peringkat tematiknya. Terdapat empat jenis peranan tematik yang merangkumi Aktor, Tema, Sumber, serta Matlamat. Argumen pada tematik Matlamat dikesan mempunyai dua peranan, iaitu sebagai PENERIMA – dan PENERIMA +. Dari segi perkaitannya dengan sintaksis, keempat-empat kata kerja ini memerlukan frasa nama sebagai frasa utama dalam tatatingkat struktur argumen dan sintaksis yang merujuk kepada permintaan frasa nama dalam argumen. Oleh itu, berdasarkan analisis kajian satu pengelompokan jenis kausatif dapat dilakukan berdasarkan makna, struktur dan contoh kata kerja kausatif seperti jadual di bawah:

JADUAL 5. Jenis kata kerja kausatif bahasa Melayu

Jenis kausatif	Makna kausatif	Representasi Struktur Konseptual	Contoh kata kerja
a. SEBAB	merujuk kepada sesuatu sebab itu berlaku.	[Peristiwa SEBAB ([Benda/Peristiwa x], [Peristiwa y])]	bunuh, buat dan mati
b. TIDAK-BENAR	merujuk kepada tanpa kebenaran untuk berlaku sesuatu.	TIDAK [Peristiwa BENAR ([Benda/Peristiwa x], [Peristiwa y])]	paksa, dapat, simpan dan halang
c. BENAR	merujuk kepada sesuatu kebenaran untuk berlaku sesuatu.	[Peristiwa BENAR (X, E) => E	menbenarkan, membebaskan dan mengecualikan
d. TOLONG	merujuk sesuatu sebab pertolongan diberikan.	[Peristiwa TOLONG ([Benda /Peristiwa x], [Peristiwa y])]	bantu & tolong

Jadual 5 di atas menunjukkan terdapat empat jenis kausatif dalam bahasa Melayu, iaitu kausatif bersifat sebab, kausatif bersifat tidak-benar, kausatif bersifat benar dan kausatif bersifat tolong. Kesemua jenis kausatif ini mempunyai maksud dan makna yang tersendiri dan hadir bersama set kata kerja kausatif tertentu.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa leksikal kausatif dalam tatabahasa bahasa Melayu tidak hanya menekankan makna yang dibawa oleh kata kerja bersama imbuhan semata-mata sebagaimana perbincangan kajian terdahulu. Namun, penginterpretasiannya dapat mencerakinkan struktur dalam argumen kausatif kepada bentuk yang lebih terperinci. Hal ini adalah berdasarkan pemetaan konstituens ontologi yang menepati matlamat struktur konseptual dan prinsip konseptualannya seperti [Fungsi Peristiwa], [Benda] dan [Hala] serta hubungannya bersama tematik. Jelas, menunjukkan struktur konseptual ini telah membentuk satu organisasi abstrak yang mendasari organisasi teori struktur konseptual terutama yang melibatkan fakulti berbentuk pandangan dan lakuhan.

Walaupun dalam tatabahasa Melayu, tidak semua fungsi konstituens ini boleh dipatuhi dan hadir seperti dalam rumus yang dinyatakan malah kehadiran fungsi ini juga bergantung kepada jenis ayat yang dianalisis. Selain itu, kajian menunjukkan kumpulan leksikal kausatif ini bukan sahaja membincangkan pada makna kausatifnya sahaja, malah gambaran semantiknya menunjukkan fungsi MENJADI dan GERAK dapat mengelaskan kausatif ini boleh berada dalam gerak ruang (dibincangkan oleh Jackendoff, 2002). Pengelasan kausatif pada gerak ruang memperjelaskan lagi adanya gerak pada leksikal *bunuh, paksa, menbenarkan dan bantu*.

Selain itu, dalam menghuraikan representasi argumen kausatif, peranan item tematik dilihat lebih signifikan dengan adanya peranan Tema, Sumber, Matlamat, objek rujukan, Penerima+ dan Penerima- bagi memperlihatkan perbezaan makna leksikal tersebut. Sistem pemenggalan ini membolehkan makna kausatif dapat menjelaskan peranan lakuhan dalam argumen.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membahagikan empat komponen makna kausatif, iaitu hadir dalam makna yang berbeza seperti sesuatu sebab itu berlaku, memungkinkan keadaan sebab berlaku atau tidak berlaku, sebab berlaku sesuatu kebenaran dan sebab pertolongan diberikan. Selain itu, pemetaan leksikal kausatif kepada hubungan sintaksis juga dapat melengkapkan organisasi struktur konseptual khususnya dalam memperincikan struktur ayat. Tatatingkat pemetaan ini dilihat lebih ekonomi dan fleksibel

dalam menghubungkan setiap argumen kata kerja kausatif ini pada peringkat struktur konseptual dan sintaksis.

Bagi melengkапkan organisasi teori struktur konseptual, kajian ini menyarankan supaya hubungan tatatingkat dapat diperluaskan kepada tatatingkat struktur fonologi, struktur konseptual serta struktur sintaksis. Dengan itu diharap lebih banyak leksikal kausatif kata kerja bahasa Melayu dapat dibincangkan dan pengelompokan kausatif dapat dilakukan berdasarkan kriteria makna semantiknya.

PENGHARGAAN

Kami merakamkan ucapan terima kasih kepada bahagian tajaan slab/slai Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) atas pembiayaan kajian ini.

RUJUKAN

- Agnihotri, Rama K. (2007). *Hindi An Essential Grammar*. London and New York: Routledge.
- Anatol Stefanowitsch. (2001). Constructing Causation: A Construction Grammar Approach to Analytic Causatives. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Rice Amerika Syarikat.
- Andrew McIntyre. (2005). The Semantic and Syntactic Decomposition of get: An Interaction Between Verb Meaning and Particle Placement. *Journal of Semantics*. Vol. 22(1), 401–438.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Assel Zibin. (2016). Acquiring the English Causative Alternation: Evidence from the University of Jordon: *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*. Vol. 5(3), 7-15.
- Bakalářská práce. (2012). English Causative Constructions with the Verbs have, get, and make, and their Czech Translation Counterparts. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Karlova v Praze.
- Begum, Rafiya, Samar Husain, Arun Dhwaj, Dipti M. Sharma, Lakshmi Bai & Rajeev Sangal. (2008). Dependency Annotation Scheme for Indian Languages. *Proceedings of The Third International Joint Conference on Natural Language Processing (IJCNLP)*, 14-18 October, India.
- Chatti Sami. (2009). Semantics of periphrastic causation. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Sorbonne.
- Chomsky, Noam. (1957). *Syntactic Structure*. Mouton: The Hague.
- Chutatip Chirapom Yumitani. (1998). The acquisition of the causative alternation in Thai. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Kansas.
- Gail McKoon & Talke Macfarland. (2000). Externally and Internally Caused Change of State Verbs. *Journal of Language*. Vol. 76(4), 833-858.
- Gillian Ramchand. (2008). *Verb Meaning and the Lexicon: A First Phase Syntax*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Goh Sang Seong. (2011). Penterjemahan kata kerja bahasa Cina-Bahasa Melayu: satu analisis ketepatan makna padanan. *Journal of Language Studies*. Vol. 11(1), 35-55.
- Gruber Jeffrey S. (1965). Studies in Lexical Relations. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Linguistik Club Amsterdam, Belanda.
- Hiba Gharib. (2015). A semantic analysis of cut and break verb in Sorani Kudish. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Kansas, Amerika Syarikat.

- Kamus Dewan. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kyunghwan Kim. (1994). The Syntax And Semantics Of Causative Constructions In Korean. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Chicago, Amerika Syarikat.
- George Lakoff. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Maria Luisa Zubizarreta. (2008). *On the syntactic composition of manner and motion*. University of California: MIT Press.
- Maslida Yusof. (2007). Analisis Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role And Reference Grammar (RRG). *Gema Online® Journal of Languages Studies*. Vol. 9(1), 17-33.
- Mohd Asraf Abdul Wahab. (1989). *Penunjuk Bahasa Melayu Baku KBSM*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Nik Safiah Karim et al. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi ke-3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsimah Mat Awal & Nur Liyana Zulkffle. (2012). Analisis Semantik Kata Kerja Gerak dan Campak dalam dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Linguistik*. Vol. 16 (1), 37-47.
- Patric Saint-Dizier. (1995). *Computational Lexical Semantics: Study in Natural Language Processing*. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Paul Kay dan Charles J. Fillmore. (1999). Grammatical Constructions and Linguistics Generalizations: The What's X doing Y? Construction. *Journal Language*. Vol. 75(1), 1-33.
- Raja Massitah Raja Ariffin.(2010). Analisis Kata Kerja dan Frasa Kerja Bahasa Melayu Kokos di Pulau Home Australia. *Jurnal Bahasa*. Vol. 10(2), 298-321.
- Ray Jackendoff . (1983). *Semantics and Cognition*. London: MIT Press.
- Ray Jackendoff. (1987). *Consciousness and the Computational Mind*. London: MIT Press.
- Ray Jackendoff. (1990). *Semantic Structure*. London: MIT Press.
- Ray Jackendoff. (1993). *Patterns in the Mind: Language and Human Nature*. New York: Harvester.
- Ray Jackendoff. (2002). *Foundations of Language: Brain, Meaning, Grammar, Evolution*. London: MIT Press.
- Ray Jackendoff. (2005). *The Architecture of the Language Faculty*. London: MIT Press.
- Ray Jackendoff & Peter W. Culicover. (2005). *Simpler Syntax*. New York: Oxford University Press.
- Ray Jackendoff. (2007). *Language of the Mind: Essays on Mental Representation*. London: MIT Press.
- Ray Jackendoff. (2011). *Meaning and the lexicon: The Parallel Archictiture 1975-2010*. London: MIT Press.
- Rogayah A. Razak. (2013). Kata Kerja Bersiri dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Vol. 13(2), 179-191.
- Rusmadi Baharudin, Nor Hashimah Jalaludin & Imran Ho-Abdullah. (2013). Sumbangan Framnet Kepada Leksikografi Korpus: Kajian Kes Penyisihan Makna Kata Kerja Melihat. *Gema Online® Journal of Languages Studies*. Vol. 13 (1), 61-81.
- Shanley E.M Allen. (2015). Verb Argument Structure. *Journal of Semantics*. Vol. 3(1), 271-297.
- Silnitsky G. (2006). Semantics, Grammar, Quantitative and Prototypical Linguistics: *Journal of Linguistic*. Vol. 2 (1), 255-362.
- Svetlana V. Shustova, Elena A. Osheva & Konstantin A. Aklochko. (2017). Desemantization of Functional Grammatical Causatives in the Aspect of Grammaticalization. *Journal of XLinguae*. Vol. 10(1), 34-41.
- Taha, M, Sultan F.M & Yasin S. M. (2017). The Morphosyntax of Causative Construction in Sudanese Arabic: *Journal Pertanika*. Vol . 25(2), 921-930.

- Walid Mohammad. (2016). Causativity in English and Arabic. Retrieved August 17, 2016 dari <https://www.coursehero.com/file/Causativity-in-English-and-Arabic-latest/>
- Yeuru Ni. (2012). Categories of Causative Verbs: A Corpus Study of Mandarin Chinese. Unpublished Master thesis, Universiti Utrecht.
- Zaharani Ahmad. (2005). Hubungan Objek dan Kata Kerja Transitif MEN-...KAN: analisis data korpus berkomputer. *Jurnal Bahasa*. Vol. 5(2), 58-76.

PENULIS

Nurul Jamilah Rosly adalah pelajar Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maslida Yusof (PhD) adalah pensyarah di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang sintaksis, semantik dan pragmatik.